



Teliti semula unjuran KDNK 2021

Kuala Lumpur: Unjuran rasmi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) antara 6.0 peratus hingga 7.5 peratus yang disasarkan bagi 2021 akan diteliti semula, kata Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkaan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, penelitian semula itu mengambil kira senario ancaman pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara yang dijalankan sekarang dan unjuran baharu akan diumumkan pada 13 Ogos depan sempena dengan pengumuman prestasi suku kedua KDNK negara.

"Kita jangka angka ini akan diteliti. Mungkin selepas ini kita lihat apakah kesan akibat penularan Covid-19 kepada ekonomi dengan lebih komprehensif.

"Ada banyak aktiviti terkesan pada masa ini terutamanya yang berkaitan dengan perkhidmatan, rekreasi, pelancongan dan pembinaan," katanya pada sidang media maya mengenai Prestasi Ekonomi Mengikut Negeri 2020, di sini, semalam.

Bagaimanapun, Mohd Uzir berkata, terdapat banyak peluang dalam sektor pertanian seperti penanaman buah-buahan, sayur-sayuran, penternakan serta perikanan yang boleh diambil kesempatan susulan peningkatan permintaan di peringkat dunia.

Namun begitu terdapat kekangan dari segi kekuatan dan kelancaran pengeluaran sektor terbabit, katanya.

Justeru, katanya, teknik-teknik pengeluaran perlu dipertingkatkan lagi bagi membantu melonjakkan sektor pertanian.

Beliau menyarankan negeri yang sedang berusaha untuk memulihkan ekonomi masing-masing agar mencari jalan bagaimana boleh meningkatkan sektor pertanian dari aspek pengeluaran dan pemasaran yang melibatkan pertanian moden.

Mohd Uzir berkata, pada 2020, prestasi ekonomi semua negeri termasuk Wilayah Persekutuan (WP) mencatatkan pertumbuhan KDNK negatif.

Namun begitu, katanya, berapa negeri masih mampu merekodkan pertumbuhan positif bagi sektor pertanian, iaitu Melaka yang berkembang 3.7 peratus, Johor (3.1 peratus), Pahang (1.6 peratus), Perak (1.4 peratus), Selangor (0.3 peratus) dan Kelantan (0.2 peratus).

<https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/06/724451/teliti-semula-unjuran-kdnk-2021>